

31 JUL 2002

DR MAHATHIR UCAP SELAMAT JALAN KEPADA PRESIDEN GHANA

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melakukan kunjungan bagi mengucapkan selamat jalan kepada Presiden Ghana John Agyekum Kufuor yang akan mengakhiri lawatan empat hari beliau ke sini esok.

Dr Mahathir, diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, menghabiskan masa kira-kira 30 minit dengan Kufuor dan isterinya, Theresa.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding yang juga Menteri Pengiring dan Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad turut hadir.

Kufuor tiba di sini pada Isnin bagi lawatan pertamanya ke Malaysia.

Beliau mengetuai delegasi 27 anggota yang termasuk tiga menteri, pegawai kanan kerajaan, ahli perniagaan dan wakil media.

Semalam, Kufuor mengetuai pihak Ghana pada mesyuarat delegasi dengan Malaysia yang diketuai oleh Dr Mahathir di Putrajaya.

Hari ini Kufuor turut berucap pada jamuan tengah hari perdagangan anjuran Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan Malaysia dan melawat Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Majlis Teknologi Maklumat Negara dan Kuala Lumpur City Centre.

Beliau akan berlepas ke Langkawi esok untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi setelah mengakhiri lawatannya.

-- BERNAMA

RZS AKT RHM